



NEGERI SELANGOR

Warta Kerajaan

DITERBITKAN DENGAN KUASA

GOVERNMENT OF SELANGOR GAZETTE
PUBLISHED BY AUTHORITY

Jil. 49
No. 26

18hb Januari 1996

TAMBAHAN No. 3
ENAKMEN

Enakmen-enakmen yang berikut yang telah diluluskan oleh Dewan Undangan Negeri, Selangor, pada 8hb Disember 1995 dan 11hb Disember 1995, adalah diisyiharkan untuk makluman umum:

No. Enakmen	Tajuk ringkas	Muka
3	Enakmen Perbekalan (1996) 1995	29
4	Enakmen Perbekalan Tambahan (1994) 1995	33
5	Enakmen Peruntukan Diraja (Pindaan) 1995	37
6	Enakmen Pinjaman (Projek Ladang Hutan Kompensatori) (Pindaan) 1995	41
7	Enakmen Hiburan dan Tempat-Tempat Hiburan 1995	47
8	Enakmen Pentadbiran Perundangan Islam (Pindaan) 1995	89
9	Enakmen Jenayah Syariah (Selangor) 1995	113



NEGERI SELANGOR

Warta Kerajaan

DITERBITKAN DENGAN KUASA

GOVERNMENT OF SELANGOR GAZETTE

PUBLISHED BY AUTHORITY

Jil. 51
No. 11

28hb Mei 1998

TAMBAHAN No. 1
ENAKMEN

Enakmen yang berikut yang telah diluluskan oleh Dewan Undangan Negeri, Selangor, pada 15 April 1998, adalah diisyiharkan untuk makluman umum:

No. Enakmen	Tajuk ringkas	Muka
1	Enakmen Hiburan dan Tempat-tempat Hiburan (Pindaan) 1998	1

The following Enactment passed by the Legislative Assembly, Selangor, on the 15 April 1998, is published for general information:

Enactment No.	Short title	Page
1	Entertainment and Places of Entertainment (Amendment) Enactment 1998	7

SELANGOR
ENAKMEN No. 7 tahun 1995

ENAKMEN HIBURAN DAN
TEMPAT-TEMPAT HIBURAN 1995

SUSUNAN SEKSYEN

BAHAGIAN I
PERMULAAN

Seksyen

1. Tajuk ringkas dan mula berkuatkuasa.
2. Tafsiran.

BAHAGIAN II
PENTADBIRAN

3. Pelantikan Pegawai Pelesan.
4. Kuasa Pihak Berkuasa Negeri untuk mengeluarkan arahan.
5. Pemberikuasaan.

BAHAGIAN III
PELESENAN

6. Hiburan tanpa lesen dilarang.
7. Larangan terhadap penjualan tiket dsb., untuk hiburan tanpa lesen.
8. Permohonan untuk mendapatkan lesen.
9. Pemberian lesen.
10. Fee lesen.
11. Syarat atau sekatan.
12. Tempoh lesen.
13. Pembaharuan lesen bukan suatu hak.
14. Lesen hendaklah dipamerkan.
15. Cagaran.
16. Pembatalan lesen.
17. Rayuan.

BAHAGIAN IV

KUASA UNTUK MENYIASAT, MENANGKAP,
MENYITA, MELUCUTHAKKAN, DSB.

18. Kuasa untuk masuk dan menyiasat.

Seksyen

- 19. Kuasa menutup tempat hiburan.
- 20. Kuasa untuk menghindaki butir-butir.
- 21. Penangkapan.
- 22. Penggeledahan.
- 23. Penyitaan.
- 24. Pelucuthakan.
- 25. Pelucuthakan jika ada pendakwaan.
- 26. Pelucuthakan jika tiada pendakwaan.
- 27. Kuasa pegawai polis tidak disentuh.

BAHAGIAN V**KESALAHAN DAN PENDAKWAAN**

- 28. Halangan.
- 29. Sekatan ke atas penjualan tiket tanpa kebenaran.
- 30. Penalti am.
- 31. Liabiliti pengarah, dsb.
- 32. Penjalanan pendakwaan.
- 33. Pengkompaunan kesalahan.

BAHAGIAN VI**PELBAGAI**

- 34. Pengecualian.
- 35. Peraturan.
- 36. Pemansuhan.

SELANGOR

ENAKMEN No. 7 tahun 1995

BETA PERKENANKAN,

t.t.

SALAHUDDIN ABDUL AZIZ SHAH AL-HAJ,
Sultan Selangor

(MOHOR KERAJAAN)

10hb Januari 1996

Suatu Enakmen untuk membuat peruntukan bagi pelesenan dan pengawalseliaan hiburan dan tempat-tempat hiburan; dan bagi perkara-perkara yang bersampingan dengannya.

[]

MAKA INILAH DIPERBUAT UNDANG-UNDANG oleh Badan Perundangan Negeri Selangor seperti yang berikut:

BAHAGIAN I

PERMULAAN

1. Enakmen ini bolehlah dinamakan Enakmen Hiburan dan Tempat-Tempat Hiburan 1995 dan hendaklah mula berkuatkuasa pada tarikh yang ditetapkan oleh Pihak Berkuasa Negeri melalui pemberitahuan dalam *Warta*. Tajuk ringkas dan nombor berkuatkuasa.

2. Dalam Enakmen ini, melainkan jika konteksnya *Tafsiran*, menghendaiki makna yang lain—

“hiburan” adalah termasuk—

- (a) lakonan, opera, pantomim, lakonan anekaragam, persembahan muzik, nyanyian, tarian, gimnastik, pertunjukan seni mempertahankan diri, gerak

- (a) akrobatik dan silap mata, pertandingan kecantikan, tablo, tunjuk cara, peragaan dan pawai, yang dalamnya orang-orang hidup mengambil bahagian;
- (b) pertunjukan bunga api, alatan set, perhiasan peringatan dan rupaan makhluk-makhluk benar atau khayalan;
- (c) sarkas dan pameran binatang;
- (d) pameran model, bahan bacaan, gambar, fotograf, ukiran atau rupaan patung atau rupaan-rupaan lain berbentuk manusia atau binatang;
- (e) pameran filem sinematograf, wayang gambar video dan pertunjukan boneka;
- (f) reproduksi atau siaran, dengan apa-apa cara juapun selain daripada telefon atau telefon radio, bagi apa-apa muzik, lagu atau ucapan, selain daripada yang berkaitan dengan sesuatu filem sinematograf;
- (g) mesin dan peranti yang, jika dimanipulasi, memberikan peluang untuk memenangi hadiah-hadiah dalam bentuk wang atau barang;
- (h) meja pin dan permainan video;
- (i) apa-apa jenis pertandingan sukan antara apa-apa bilangan orang atau binatang;
- (j) pertandingan terancang bagi permainan kemahiran atau nasib;
- (k) pesta perdagangan, pertanian atau industri yang terdiri daripada pameran, iklan atau jualan hasil atau bahan-bahan;
- (l) apa-apa kombinasi mana-mana bentuk hiburan yang tersebut di atas; atau
- (m) apa-apa hiburan lain yang diisyiharkan oleh Pihak Berkuasa Negeri dari semasa ke semasa melalui perintah dalam *Warta*,

di mana-mana tempat yang orang ramai dibenarkan memasukinya dengan atau tanpa bayaran wang atau apa-apa balasan lain;

“lesen” ertinya sesuatu lesen yang diberikan di bawah subseksyen 9(1);

“Mahkamah” ertinya mahkamah Majistret Kelas Pertama;

“meja pin” ertinya apa-apa meja, papan atau alatan lain, yang dikendalikan dengan syiling atau cakera, yang direkabentuk untuk membolehkan pengendalinya bermain suatu permainan yang kejayaannya diukur dengan pendorongan satu atau lebih daripada-satu objek bergerak ke arah sasaran atau matlamat atau dengan pemerolehan suatu bilangan mata atau dengan kedua-duanya;

“orang diberikuasa” ertinya Pegawai Pelesen atau mana-mana orang yang diberikuasa oleh Pegawai Pelesen secara bertulis di bawah seksyen 5;

“Pegawai Pelesen” ertinya mana-mana orang yang dilantik di bawah seksyen 3;

“peraturan” ertinya mana-mana peraturan yang dibuat di bawah Enakmen ini;

“pihak berkuasa tempatan” ertinya mana-mana pihak berkuasa tempatan yang ditubuhkan di dalam Negeri Selangor di bawah Akta Kerajaan Tempatan 1976 atau mana-mana undang-undang lain yang berhubungan dengan penubuhan kerajaan tempatan, dan termasuk mana-mana orang yang menjalankan fungsi-fungsi pihak berkuasa tempatan di bawah mana-mana undang-undang sedemikian;

“syarat atau sekatan” ertinya syarat atau sekatan yang tertakluk kepadanya lesen diberikan di bawah subseksyen 9(1);

“tempat hiburan” ertinya mana-mana tempat yang di atasnya ada apa-apa binaan atau struktur, apa-apa premis atau bangunan sama ada sementara atau kekal atau apa-apa kenderaan di air atau mana-mana tempat lain yang di dalamnya atau di situ sesuatu hiburan diadakan atau

dicadangkan hendak diadakan dan yang ke situ orang ramai dibenarkan masuk dengan atau tanpa bayaran, dan termasuklah sesuatu taman hiburan.

BAHAGIAN II

PENTADBIRAN

Pelantikan
Pegawai
Pelesen.

3. (1) Pihak Berkuasa Negeri boleh, melalui pemberitahuan dalam *Warta*, melantik sekian banyak Pegawai Pelesen yang difikirkannya perlu bagi maksud melaksanakan peruntukan-peruntukan Enakmen ini.

(2) Pemberitahuan tentang sesuatu perlantikan di bawah subseksyen (1) hendaklah menyatakan kawasan atau daerah yang di dalamnya Pegawai Pelesen itu boleh menjalankan kuasa-kuasa dan melaksanakan kewajipan-kewajipan yang diberikan atau dikenakan ke atasnya di bawah Enakmen ini atau mana-mana peraturan.

Kuasa Pihak
Berkuasa
Negeri untuk
mengeluarkan
arahan.

4. Pihak Berkuasa Negeri boleh dari semasa ke semasa memberi mana-mana Pegawai Pelesen arahan-arahan yang bersifat am dan tidak bertentangan dengan peruntukan-peruntukan Enakmen ini tentang perjalanan kuasa dan budi bicara yang diberikan kepada Pegawai Pelesen itu melalui Enakmen ini atau mana-mana peraturan dan Pegawai Pelesen itu hendaklah melaksanakan semua arahan sedemikian.

Pemberi-
kuasaan.

5. Pegawai Pelesen boleh secara bertulis memberikuasa mana-mana pegawai awam atau mana-mana pegawai atau pekerja mana-mana pihak berkuasa tempatan untuk menjalankan fungsi-fungsi orang diberikuasa di bawah Enakmen ini.

BAHAGIAN III

PELESENAN

Hiburan
tanpa lesen
dilarang.

6. (1) Tiada seorang pun boleh mengadakan hiburan di mana-mana tempat melainkan jika Pegawai Pelesen telah memberikan—

(a) suatu lesen untuk mengadakan hiburan itu; dan

(b) suatu lesen untuk mengadakan hiburan di tempat itu;

(2) Mana-mana orang yang melanggar subseksyen (1) adalah melakukan suatu kesalahan dan apabila disabitkan boleh didenda tidak melebihi dua puluh ribu ringgit atau dipenjarakan selama tempoh tidak melebihi lima tahun atau kedua-duanya.

7. (1) Tiada seorang pun boleh—

- (a) memberikan, membahagi-bahagikan, menjual atau menawarkan untuk menjual apa-apa tiket untuk menghadiri, atau mengundang mana-mana orang untuk menghadiri, mana-mana hiburan atau menyebabkan apa-apa pemberian, pembahagian, penjualan, penawaran atau undangan sedemikian dibuat; atau
- (b) dengan apa-apa cara mengiklankan atau menyerantakan atau menyebabkan diiklankan atau diserantakan apa-apa hiburan yang hendak diadakan di mana-mana tempat,

Larangan terhadap penjualan tiket, dsb., untuk hiburan tanpa lesen.

melainkan jika suatu lesen telah diberikan berkenaan dengan hiburan dan tempat itu.

(2) Mana-mana orang yang melanggar subseksyen (1) adalah melakukan suatu kesalahan dan apabila disabitkan boleh didenda tidak melebihi sepuluh ribu ringgit atau dipenjarakan selama tempoh tidak melebihi tiga tahun atau kedua-duanya.

8. (1) Sesuatu permohonan untuk mendapatkan sesuatu lesen hendaklah dibuat dalam borang yang ditetapkan dan hendaklah dikemukakan kepada Pegawai Pelesen.

Permohonan untuk mendapatkan lesen.

(2) Bagi niaksud menimbangkan sesuatu permohonan untuk mendapatkan sesuatu lesen, Pegawai Pelesen boleh menghendaki pemohon memberinya apa-apa maklumat tambahan yang dikehendakinya.

(3) Tanpa menjasaskan subseksyen (2), bagi maksud menimbaangkan sesuatu permohonan untuk mendapatkan lesen untuk mengadakan hiburan, Pegawai Pelesenan boleh menghendaki pemohon memberinya skrip, jika ada, dan apa-apa maklumat yang dinyatakannya yang berhubungan dengan perkara-perkara yang berikut:

- (a) butir-butir mengenai orang-orang yang terlibat dalam penganjuran hiburan atau kepentingan-kepentingan yang diwakili oleh orang-orang itu;
- (b) butir-butir mengenai orang-orang yang telah diundang atau bersetuju untuk mengambil bahagian dalam hiburan itu atau yang telah mengambil bahagian dalam hiburan itu dan kepentingan-kepentingan yang diwakili oleh orang-orang itu; dan
- (c) tujuan yang baginya apa-apa keuntungan daripada hiburan itu dicadangkan hendak digunakan atau telah digunakan.

(4) Bagi maksud seksyen ini, ungkapan "skrip", berhubungan dengan sesuatu persembahan lakonan, ertiaya teks lakonan itu (sama ada yang dinyatakan dengan perkataan atau simbol muzik atau simbol lain) berserta dengan apa-apa arahan pentas atau arahan lain bagi persembahannya, sama ada terkandung dalam satu dokumen tunggal atau tidak.

Pemberian
lesen.

9. (1) Pegawai Pelesen boleh, mengikut budi bicaranya, memberikan lesen atau enggan memberikan lesen yang dipohon di bawah seksyen 8.

(2) Lesen untuk mengadakan hiburan di atau di dalam mana-mana tempat tidak boleh diberikan melainkan jika ada suatu lesen yang sah berkenaan dengan tempat itu.

(3) Lesen berkenaan dengan mana-mana tempat tidak boleh diberikan di dalam mana-mana kawasan pihak berkuasa tempatan melainkan jika pemohon mengemukakan—

- (a) lesen yang dikeluarkan oleh pihak berkuasa tempatan itu; atau

(b) kelulusan bertulis daripada pihak berkuasa tempatan itu,

yang membenarkan tempat itu digunakan sebagai tempat hiburan.

10. (1) Walau apa pun seksyen 9, sesuatu lesen hanya ^{Fee lesen.} boleh dikeluarkan selepas pemohon membayar fee yang ditetapkan.

(2) Pegawai Pelesen hendaklah membayar masuk semua fee yang dikutip di bawah subseksyen (1) ke dalam—

(a) Kumpulan Wang Disatukan Negeri; atau

(b) jika diarahkan sedemikian oleh Pihak Berkuasa Negeri, kumpulan wang mana-mana pihak berkuasa tempatan atau mana-mana kumpulan wang lain.

11. (1) Tiap-tiap lesen hendaklah tertakluk kepada apa-apa syarat atau sekatan yang dikenakan oleh Pegawai Pelesen. ^{Syarat atau sekatan.}

(2) Mana-mana pemegang lesen yang melanggar mana-mana syarat atau sekatan adalah melakukan suatu kesalahan dan apabila disabitkan boleh didenda tidak melebihi sepuluh ribu ringgit atau dipenjarakan selama tempoh tidak melebihi tiga tahun atau kedua-duanya.

12. Sesuatu lesen hendaklah sah selama apa-apa tempoh ^{Tempoh lesen.} yang ditentukan oleh Pegawai Pelesen, tetapi tidak boleh melebihi satu tahun.

13. Sesuatu lesen tidaklah boleh diperbaharui sebagai suatu hak dan sesuatu permohonan untuk memperbaharui sesuatu lesen hendaklah dikira sebagai permohonan di bawah seksyen 8 untuk mendapatkan lesen. ^{Pembaharuan lesen bukan suatu hak.}

14. (1) Setiap pemegang lesen hendaklah mempamerkan pada setiap masa di tempat ketara di tempat hiburan— ^{Lesen hendaklah dipamerkan.}

(a) lesen berkenaan dengan tempat hiburan itu; dan

(b) lesen berkenaan dengan hiburan yang diadakan di tempat hiburan itu.

(2) Mana-mana pemegang lesen yang melanggar subseksyen (1) adalah melakukan suatu kesalahan.

Cagaran.

15. (1) Pegawai Pelesen boleh, sebelum memberikan sesuatu lesen di bawah Enakmen ini, menghendaki mana-mana orang supaya memberikan cagaran, yang tidak boleh melebihi dua puluh ribu ringgit, dalam bentuk yang ditentukan oleh Pegawai Pelesen untuk memastikan bahawa apa-apa syarat atau sekatan lesen itu dan peruntukan-peruntukan Enakmen ini atau mana-mana peraturan adalah dipatuhi dengan sewajarnya.

(2) Pegawai Pelesen boleh, selepas memberi pemegang lesen peluang untuk didengar, melucutahkan kesemua atau sebahagian daripada cagaran itu jika Pegawai Pelesen itu berpuas hati bahawa terdapat pelanggaran mana-mana syarat atau sekatan lesen itu atau pelanggaran mana-mana peruntukan Enakmen ini atau mana-mana peraturan.

(3) Walau apa pun subseksyen (2), pelucutahkan apa-apa cagaran atau mana-mana bahagiannya di bawah subseksyen itu tidaklah boleh ditafsirkan sebagai menghalang pendakwaan mana-mana orang kerana melanggar mana-mana syarat atau sekatan sesuatu lesen atau melanggar mana-mana peruntukan Enakmen ini atau mana-mana peraturan.

(4) Pegawai Pelesen hendaklah membayar masuk apa-apa cagaran yang dilucutahkan di bawah subseksyen (2) ke dalam—

(a) Kumpulan Wang Disatukan Negeri; atau

(b) jika diarahkan sedemikian oleh Pihak Berkuasa Negeri, kumpulan wang mana-mana pihak berkuasa tempatan atau mana-mana kumpulan wang lain.

16. (1) Pegawai Pelesen boleh pada bila-bila masa melalui notis bertulis yang disampaikan mengikut subseksyen (2) dan (3) membatalkan sesuatu lesen jika telah berlaku pelanggaran mana-mana syarat atau sekatan lesen itu atau pelanggaran mana-mana peruntukan Enakmen ini atau mana-mana peraturan.

Pembatalan lesen.

(2) Tiap-tiap notis pembatalan sesuatu lesen hendaklah disampaikan dengan—

(a) menampalkan suatu salinan notis itu di tempat hiburan; dan

(b) menyampaikan suatu salinan notis itu—

(i) kepada orang yang didapati menjaga dan menguruskan tempat hiburan itu; dan

(ii) kepada pemegang lesen jika orang yang disebut dalam subperenggan (i) bukan pemegang lesen.

(3) Jika notis pembatalan lesen tidak dapat disampaikan mengikut subperenggan (2)(b)(ii), Pegawai Pelesen boleh menghantar notis itu melalui pos berdaftar kepada pemegang lesen di alamat yang dinyatakan dalam borang permohonan untuk mendapatkan lesen itu; dan tiap-tiap notis yang dihantar melalui pos berdaftar mengikut subseksyen ini hendaklah disifatkan telah disampaikan dengan sewajarnya mengikut dan dengan mematuhi kehendak seksyen ini.

(4) Pembatalan sesuatu lesen tidak boleh ditafsirkan sebagai menghalang pendakwaan mana-mana orang kerana melanggar mana-mana syarat atau sekatan lesen itu atau melanggar mana-mana peruntukan Enakmen ini atau mana-mana peraturan.

17. (1) Mana-mana orang yang terkilan dengan—

Rayuan.

(a) keputusan Pegawai Pelesen di bawah seksyen 9 yang enggan memberinya lesen;

(b) mana-mana syarat atau sekatan yang dikenakan oleh Pegawai Pelesen di bawah subseksyen 11(1);

(c) pelucutahan cagaran di bawah subseksyen 15(2); atau

(d) pembatalan lesennya di bawah subseksyen 16(1),

boleh, dalam masa tiga puluh hari dari tarikh dia diberitahu secara bertulis tentang keputusan, syarat, sekatan, pelucutahan atau pembatalan itu, merayu kepada Pihak Berkuasa Negeri.

(2) Tiap-tiap rayuan kepada Pihak Berkuasa Negeri hendaklah dialamatkan kepada Setiausaha Majlis Mesyuarat Kerajaan Negeri.

(3) Pihak Berkuasa Negeri boleh mengesahkan atau mengetepikan keputusan Pegawai Pelesen dan keputusan Pihak Berkuasa Negeri adalah muktamad dan konklusif dan tidak boleh dipersoalkan atau berupaya dipersoalkan di mana-mana mahkamah.

BAHAGIAN IV

KUASA UNTUK MENYIASAT, MENANGKAP, MENYITA, MELUCUTHAKKAN, DSB.

Kuasa untuk
masuk dan
menyiasat.

18. (1) Mana-mana pegawai polis yang berpangkat tidak rendah daripada Inspektor, atau mana-mana orang diberikuasa, boleh, tanpa waran dan dengan tujuan untuk menentukan sama ada syarat-syarat atau sekatan-sekatan sesuatu lesen atau peruntukan-peruntukan Enakmen ini atau mana-mana peraturan dipatuhi—

(a) memasuki mana-mana tempat hiburan; dan

(b) menjalankan apa-apa penyiasatan di tempat hiburan itu.

(2) Bagi maksud penyiasatan di bawah subseksyen (1), pegawai polis atau orang diberikuasa yang disebut dalam subseksyen itu boleh—

(a) memeriksa tempat hiburan itu; dan

(b) menghendaki mana-mana orang mengemukakan barang-barang, buku-buku, akaun-akaun, tiket-tiket atau dokumen-dokumen atau benda-benda lain atau memberikan apa-apa maklumat yang difikirkan perlu oleh pegawai polis atau orang diberikuasa itu.

(3) Mana-mana pegawai polis dan orang diberikuasa yang berupa sebagai menjalankan apa-apa kuasa di bawah seksyen ini hendaklah, apabila diminta oleh mana-mana orang, menunjukkan surat kuasanya kepada orang itu.

19. Mana-mana pegawai polis yang berpangkat tidak rendah daripada Inspektor atau mana-mana orang diberikuasa yang menjalankan kuasa di bawah seksyen 18 boleh, tanpa menjelaskan penjalanan selanjutnya kuasa yang diberikan kepadanya oleh seksyen itu, dengan serta-merta mengambil langkah-langkah yang difikirkannya perlu untuk menutup sesuatu tempat hiburan jika dia berpuas hati bahawa—

- (a) telah berlaku pelanggaran mana-mana syarat atau sekatan lesen; atau
- (b) hiburan yang diadakan di dalamnya melanggar mana-mana peruntukan Enakmen ini atau mana-mana peraturan.

20. Mana-mana pegawai polis yang berpangkat tidak rendah daripada Inspektor atau mana-mana orang diberikuasa boleh menghendaki mana-mana orang yang semunasabahnya dipercayai olehnya telah melakukan suatu kesalahan di bawah Enakmen ini atau mana-mana peraturan memberikan nama, nombor kad pengenalan dan alamatnya.

Kuasa untuk
menghendaki
butir-butir.

21. (1) Mana-mana pegawai polis yang berpangkat tidak rendah daripada Inspektor atau mana-mana orang diberikuasa boleh menangkap tanpa waran—

Penang-
kapan.

- (a) mana-mana orang yang semunasabahnya dipercayai olehnya telah melakukan suatu kesalahan di bawah Enakmen ini atau mana-mana peraturan;

- (b) mana-mana orang yang enggan memberikan nama atau alamatnya apabila diminta; atau
- (c) mana-mana orang yang memberikan nama dan alamatnya tetapi pegawai polis atau orang diberikuasa itu ada sebab untuk percaya bahawa nama atau alamat yang diberikan bukanlah nama atau alamatnya yang sebenar.

(2) Mana-mana orang yang ditangkap di bawah subseksyen (1) hendaklah dibawa ke balai polis yang paling hampir dan hendaklah dibawa ke hadapan mahkamah dalam masa dua puluh empat jam dari penangkapannya, tetapi seseorang yang ditangkap di bawah perenggan (1)(b) atau (1)(c) hendaklah dilepaskan atas jaminan jika nama dan alamatnya dapat dipastikan sebelum itu.

Penggele-
dahan.

22. (1) Jika mana-mana Majistret, atas maklumat bertulis dan selepas siasatan yang difikirkannya perlu, mempunyai sebab untuk percaya bahawa—

- (a) suatu kesalahan di bawah Enakmen ini atau mana-mana peraturan telah atau sedang dilakukan di mana-mana tempat; atau
- (b) apa-apa keterangan atau benda yang perlu untuk penyiasatan apa-apa kesalahan di bawah Enakmen ini atau mana-mana peraturan boleh ditemui di mana-mana tempat,

dia boleh, melalui waran, membelaarkan mana-mana pegawai polis yang berpangkat tidak rendah daripada Inspektor, atau mana-mana orang diberikuasa, yang dinamakan dalam waran itu, dengan atau tanpa apa-apa bantuan yang diperlukan oleh pegawai polis atau orang diberikuasa itu, masuk dan menggeledah tempat itu.

(2) Walau apa pun subseksyen (1), jika mana-mana pegawai polis yang berpangkat tidak rendah daripada Inspektor atau mana-mana orang diberikuasa ada alasan yang munasabah untuk percaya bahawa—

- (a) suatu kesalahan di bawah Enakmen ini atau mana-mana peraturan telah atau sedang dilakukan di mana-mana tempat; dan

(b) oleh sebab apa-apa kelengahan untuk mendapatkan waran geledah tujuan penggeledahan itu mungkin akan terkecawa,

maka pegawai polis atau orang diberikuasa itu boleh, dengan atau tanpa bantuan, memasuki tempat itu dan boleh menggeledah tempat itu dan memeriksa mana-mana orang yang semunasabahnya dipercayai olehnya mempunyai kaitan dalam pengurusan atau penganjuran apa-apa hiburan atau menjadi pengkhidmat atau ejen penganjur hiburan itu atau tuan punya tempat hiburan itu.

(3) Tiada seorang perempuan pun boleh diperiksa di bawah seksyen ini kecuali oleh orang perempuan.

23. -(1) Mana-mana pegawai polis yang berpangkat Penyitaan, tidak rendah daripada Inspektor atau mana-mana orang diberikuasa yang menjalankan kuasa-kuasa di bawah seksyen 18 atau 22 boleh menyita apa-apa dokumen atau benda yang semunasabahnya dipercayai olehnya sebagai mempunyai kaitan dengan, atau dapat memberikan keterangan tentang, pelakuan sesuatu kesalahan di bawah Enakmen ini atau mana-mana peraturan.

(2) Pegawai polis atau orang diberikuasa yang menyita apa-apa dokumen atau benda di mana-mana tempat di bawah subseksyen (1) hendaklah menyediakan suatu senarai dokumen dan benda yang disita dan dengan segera menyerahkan suatu salinan yang ditandatangani olehnya kepada penghuni atau tuan punya tempat itu, atau pengkhidmat atau ejennya, yang berada di tempat itu.

24. Semua dokumen atau benda yang disita di bawah Enakmen ini boleh dilucut-hakan.

25. (1) Jika ada pendakwaan yang melibatkan apa-apa dokumen atau benda yang disita di bawah Enakmen ini, maka pelucut-hakan atau pelepasan mana-mana dokumen atau benda sedemikian hanya boleh dibuat mengikut perintah Mahkamah yang di hadapannya pendakwaan itu telah diadakan.

(2) Walau apa pun subseksyen (1), jika dibuktikan sehingga Mahkamah berpuas hati bahawa—

- (a) suatu kesalahan terhadap mana-mana peruntukan Enakmen ini atau mana-mana peraturan telah dilakukan; dan
- (b) mana-mana dokumen atau benda ialah hal perkara bagi atau telah digunakan dalam melakukan kesalahan itu,

Mahkamah hendaklah melucutahkan dokumen atau benda itu walaupun tiada seorang pun telah disabitkan atas kesalahan itu.

(3) Semua dokumen atau benda yang dilucutahkan di bawah seksyen ini hendaklah diserahkan kepada Pegawai Pelesen dan hendaklah dilupuskan mengikut arahan Pegawai Pelesen itu.

Pelucut-hakan jika tidak pendaikan.

26. (1) Jika tiada pendakwaan yang melibatkan apa-apa dokumen atau benda yang telah disita di bawah Enakmen ini, maka dokumen atau benda itu hendaklah diambil dan disifatkan telah terlucutahak apabila tamat tempoh satu bulan kalender dari tarikh penyitaannya melainkan jika suatu tuntutan telah dibuat baginya sebelum tamat tempoh itu mengikut cara yang dinyatakan dalam subseksyen (2).

(2) Mana-mana orang yang mengatakan bahawa dia adalah pemunya apa-apa dokumen atau benda yang disita di bawah Enakmen ini dan bahawa dokumen atau benda itu tidak boleh dilucutahkan boleh, sama ada sendiri atau melalui ejennya yang diberikuasa secara bertulis, memberikan notis bertulis kepada Pegawai Pelesen bahawa dia menuntut dokumen atau benda yang disita itu.

(3) Apabila Pegawai Pelesen menerima notis di bawah subseksyen (2) dia boleh mengarahkan supaya dokumen atau benda itu dilepaskan atau supaya perkara itu dirujukkan kepada seorang Majistret.

su
m

ha
sa

(4
di
di
he
ma

ba
ata

Ma
do
hat
do
ora
ata

27.
seb
di 1

(4) Majistret yang kepadanya rujukan dibuat di bawah subseksyen (3) hendaklah mengeluarkan saman menghendaki—

- (a) orang yang menuntut bahawa dia adalah pemunya dokumen atau benda yang disita; dan
- (b) orang yang daripadanya dokumen atau benda itu disita,

hadir di hadapannya pada hari yang ditetapkan dalam saman itu.

(5) Pada hari yang ditetapkan di bawah subseksyen (4), dan setelah dibuktikan bahawa saman telah disampaikan dengan sewajarnya kepada setiap orang yang disebut dalam perenggan 4(a) dan (4)(b), Majistret hendaklah terus memeriksa perkara itu, walaupun mana-mana orang itu tidak hadir.

(6) Jika, setelah selesai pemeriksaan yang dibuat di bawah subseksyen (5) berkenaan dengan sesuatu dokumen atau benda, Majistret berpuas hati bahawa—

- (a) suatu kesalahan terhadap mana-mana peruntukan Enakmen ini atau mana-mana peraturan telah dilakukan; dan
- (b) dokumen atau benda itu ialah hal perkara bagi atau telah digunakan dalam melakukan kesalahan itu,

Majistret itu hendaklah memerintahkan pelucutahan dokumen atau benda itu; tetapi jika Majistret tidak berpuas hati sedemikian, dia hendaklah memerintahkan supaya dokumen atau benda itu dilepaskan dan diserahkan kepada orang yang pada pendapatnya berhak kepada dokumen atau benda itu.

27. Tiada apa-apa jua dalam bahagian ini boleh disifatkan sebagai menyentuh kuasa-kuasa seorang pegawai polis di bawah Kanun Prosedur Jenayah.

Kuasa
pegawai
polis tidak
disentuh.
N.M.B.
Bab 6.

BAHAGIAN V

KESALAHAN DAN PENDAKWAAN

Halangan: 28. Mana-mana orang yang—

- (a) menghalang mana-mana pegawai polis atau orang diberikuasa yang dengan sah menjalankan apa-apa kuasa yang diberikan kepadanya oleh atau di bawah Enakmen ini atau mana-mana peraturan;
- (b) apabila dikehendaki oleh pegawai polis atau orang diberikuasa itu supaya mengemukakan apa-apa barang, buku, akaun, tiket atau dokumen atau benda lain yang dia berkuasa atau sepatutnya berkuasa, dalam perjalanan biasa urusan; menge-mukakannya, berlengah-lengah mengemukakannya kepada pegawai polis atau orang diberikuasa itu;
- (c) apabila dikehendaki oleh pegawai polis atau orang diberikuasa itu supaya memberikan apa-apa maklumat, enggan memberikan maklumat itu atau memberikan maklumat yang palsu atau yang mengelirukan; atau
- (d) menghalang penyitaan apa-apa dokumen atau benda lain di bawah seksyen 23, atau penutupan mana-mana tempat hiburan di bawah seksyen 19,

adalah melakukan suatu kesalahan dan apabila disabitkan boleh didenda tidak melebihi sepuluh ribu ringgit atau dipenjarakan selama tempoh tidak melebihi tiga tahun atau kedua-duanya.

Sekatan
ke atas
penjualan
tiket tanpa
kebenaran.

29. (1) Tiada seorang pun boleh menjual, atau menawarkan atau mempamerkan atau ada dalam miliknya untuk dijual, atau memujuk-rayu supaya dibeli, apa-apa tiket yang membenarkan atau berupa sebagai membenarkan kemasukan ke mana-mana tempat hiburan kecuali di pejabat penjualan tiket, gerai, pintu putar atau kaunter atau mana-mana tempat lain yang ditetapkan oleh tuan punya atau pengurus tempat itu atau oleh pengelola hiburan yang diadakan di dalamnya.

(2)
adalah
boleh
dipe
atau

30.
di ba
bagi
apab
ringg
satu
31.
atau
kump
diper
kesal
setia
peng
bertin
melak
bahay

(2)
jika ap
sendiri
dan be
atau ke
atau pe
itu atau
mana y
bahawa

(a)

(2) Mana-mana orang yang melanggar subseksyen (1) adalah melakukan suatu kesalahan dan apabila disabitkan boleh didenda tidak melebihi lima ribu ringgit atau dipenjarakan selama tempoh tidak melebihi dua tahun atau kedua-duanya.

30. Mana-mana orang yang melakukan suatu kesalahan di bawah Enakmen ini atau mana-mana peraturan yang baginya tiada penalti diperuntukkan dengan nyata boleh apabila disabitkan didenda tidak melebihi dua ribu ringgit atau dipenjarakan selama tempoh tidak melebihi satu tahun atau kedua-duanya. Penalti am.

31. (1) Jika sesuatu kesalahan di bawah Enakmen ini atau mana-mana peraturan telah dilakukan oleh suatu kumpulan orang, sama ada diperbadankan atau tidak diperbadankan, maka mana-mana orang yang pada masa kesalahan itu dilakukan ialah seorang pengarah, pengurus, setiausaha atau selainnya bertanggungjawab bagi pengurusan kumpulan orang itu, atau yang berupa sebagai bertindak atas sifat sedemikian, hendaklah disifatkan telah melakukan kesalahan itu melainkan jika dia membuktikan bahawa— Liabiliti pengarah, dsb.

(a) kesalahan itu telah dilakukan tanpa persetujuannya atau tanpa pemberiarannya; dan

(b) dia telah menjalankan segala usaha untuk mencegah pelakuan kesalahan itu sebagaimana yang sepatutnya telah dijalankan olehnya memandangkan jenis fungsi-fungsinya atas sifat itu dan memandangkan semua hal keadaan.

(2) Mana-mana orang yang melakukan suatu kesalahan jika apa-apa juga telah dilakukan atau ditinggalkan olehnya sendiri adalah juga disifatkan melakukan kesalahan itu dan boleh dikenakan penalti yang sama jika perbuatan atau ketinggalan itu telah dilakukan oleh pekongsi, ejen atau pengkhidmatnya dalam perjalanan urusan perkongsian itu atau dalam perjalanan pekerjaannya, mengikut mana-mana yang berkenaan, melainkan jika dia membuktikan bahawa—

(a) kesalahan itu telah dilakukan tanpa pengetahuannya atau persetujuannya; dan

(b) dia telah mengambil langkah berjaga-jaga yang munasabah untuk mencegah pelakuan atau peninggalan perkara itu.

(3) Tiada apa-apa jua dalam subseksyen (2) boleh melepasangkan pekongsi, ejen atau pengkhidmat yang disebut dalam subseksyen itu daripada menjadi boleh didakwa.

Penjalanan
pendakwaan.

32. Pendakwaan berkenaan dengan kesalahan-kesalahan yang dilakukan terhadap Enakmen ini atau mana-mana peraturan boleh dijalankan oleh—

(a) Pegawai Pelesen;

(b) mana-mana pegawai polis yang ber pangkat tidak rendah daripada Inspektor; atau

(c) mana-mana orang yang diberikuasa oleh Timbalan Pendakwa Raya.

Pengkom-
paunan
kesalahan.

33. (1) Pegawai Pelesen boleh mengkompaunkan mana-mana kesalahan di bawah Enakmen ini atau mana-mana peraturan yang ditetapkan sebagai kesalahan yang boleh dikompaunkan dengan menyetujuterima daripada orang yang semuasabahnya disyaki telah melakukan kesalahan itu sejumlah wang yang tidak melebihi lima puluh peratus daripada denda maksimum yang dengannya kesalahan itu boleh dihukum.

(2) Apabila jumlah wang yang tersebut dalam subseksyen (1) disetujuterima berkenaan dengan sesuatu kesalahan daripada orang yang disebut dalam subseksyen itu, tiada prosiding selanjutnya boleh diambil terhadap orang itu berkenaan dengan kesalahan itu dan apa-apa dokumen atau benda yang disita berkaitan dengan kesalahan itu hendaklah dilepaskan, tertakluk kepada apa-apa terma dan syarat yang dikenakan oleh Pegawai Pelesen yang mengkompaunkan kesalahan itu.

(3) Pegawai Pelesen hendaklah membayar masuk semua jumlah wang yang disetujuterima di bawah subseksyen (1) ke dalam—

(a) Kumpulan Wang Disatukan Negeri; atau

- (b) jika diarahkan sedemikian oleh Pihak Berkuasa Negeri, kumpulan wang mana-mana pihak berkuasa tempatan atau mana-mana kumpulan wang lain.

BAHAGIAN VI PELBAGAI

34. Pihak Berkuasa Negeri boleh mengikut budi bicaranya mengecualikan—

- (a) mana-mana hiburan atau kelas hiburan; atau
(b) mana-mana tempat hiburan atau kelas tempat hiburan,

daripada mana-mana peruntukan Enakmen ini atau mana-mana peraturan jika hiburan itu dimaksudkan semata-mata untuk tujuan-tujuan keagamaan, pendidikan, atau khairat.

35. (1) Pihak Berkuasa Negeri boleh membuat peraturan-peraturan untuk menetapkan apa-apa juadah yang dikehendaki oleh Enakmen ini supaya ditetapkan dan bagi melaksanakan peruntukan-peruntukan Enakmen ini dengan lebih baik.

(2) Tanpa menjelaskan keluasan makna subseksyen (1), peraturan-peraturan boleh dibuat bagi maksud—

- (a) melarang atau mengawalselia apa-apa jenis hiburan atau penggunaan apa-apa jenis alat atau kelengkapan atau peranti di mana-mana tempat hiburan;
(b) menghendaki ada jalan keluar, pengudaraan, pencahayaan, langkah-langkah pencegahan kebakaran, kemudahan-kemudahan kebersihan dan kemudahan-kemudahan awam lain yang munasabah yang mencukupi di tempat-tempat hiburan;
(c) mengawalselia perilaku pelakon, penyanyi dan penghibur lain, skrip, persembahan, pakaian dan alat-alat yang digunakan dalam mana-mana hiburan;

- (d) memastikan orang-orang yang mengunjungi mana-mana tempat hiburan berkelakuan sopan dan teratur;
- (e) menetapkan langkah-langkah yang mesti diambil oleh pemegang lesen sesuatu tempat hiburan demi keselamatan orang-orang di tempat hiburan itu, termasuk melarang dibawa masuk ke tempat itu apa-apa jua yang boleh membahayakan orang atau harta;
- (f) menetapkan jenis-jenis kesalahan yang boleh dikompaunkan dan prosedur-prosedur bagi mengkompaunkan kesalahan-kesalahan itu;
- (g) menetapkan apa-apa fee yang perlu bagi maksud-maksud Enakmen ini;
- (h) menetapkan borang-borang bagi permohonan untuk mendapatkan lesen dan bentuk lesen-lesen yang akan dikeluarkan di bawah Enakmen ini.

(2) Peraturan-peraturan yang dibuat di bawah seksyen ini boleh memperuntukkan bahawa apa-apa perbuatan atau ketinggalan yang melanggar mana-mana peruntukan peraturan-peraturan itu adalah suatu kesalahan dan bahawa mana-mana orang yang disabitkan atas kesalahan itu boleh didenda atau dipenjarakan atau kedua-duanya, tetapi penalti itu tidak boleh melebihi—

- (a) bagi denda, dua ribu ringgit; dan
- (b) bagi tempoh pemenjaraan, satu tahun.

Pemansuhan.
En. 47/1936.

36. (1) Tertakluk kepada subseksyen (2), apabila Enakmen ini mula berkuatkuasa, Enakmen Panggung Wayang dan Tempat Hiburan Awam 1936 (selepas ini disebut "Enakmen termansuh") hendaklah terhenti berkuatkuasa dan hendaklah disifatkan telah dimansuhkan di Negeri Selangor.

(2) Walau apa pun subseksyen (1)—

- (a) tiada apa-apa jua yang terkandung dalam Enakmen ini boleh menghalang mana-mana orang daripada didakwa atau dihukum di bawah Enakmen termansuh bagi apa-apa kesalahan yang dilakukan di bawah Enakmen termansuh sebelum mula berkuatkuasanya Enakmen ini;

- (b) apa-apa prosiding di bawah Enakmen termansuh yang belum diputuskan sebelum mula berkuatkuasanya Enakmen ini hendaklah diteruskan di bawah Enakmen termansuh seolah-olah Enakmen ini tidak dibuat;
- (c) apa-apa lesen yang telah dikeluarkan di bawah Enakmen termansuh hendaklah terus berkuatkuasa dan mempunyai kuatkuasa sehingga tamat tempoh yang baginya ia telah diberikan tetapi ia hendaklah tertakluk kepada peruntukan-peruntukan Enakmen ini dan mana-mana peraturan dan boleh dibatalkan di bawah dan mengikut Enakmen ini;
- (d) apa-apa perlantikan atau pemberikuasaan yang dibuat di bawah Enakmen termansuh hendaklah terus berkuatkuasa dan mempunyai kuatkuasa seolah-olah ia telah dibuat di bawah Enakmen ini, sehinggalah perlantikan atau pemberikuasaan itu dibatalkan atau digantikan di bawah Enakmen ini.

Diluluskan pada 8hb Disember 1995.
[PU: Sel. (AM) 0166; DUN. Sel. 30287/1 Jld. I.]

ZULKEPLI BIN AHMAD,
Setiausaha,
Dewan Undangan Negeri,
Selangor

SELANGOR

ENACTMENT No. 7 of 1995

**ENTERTAINMENT AND PLACES
OF ENTERTAINMENT ENACTMENT 1995**

ARRANGEMENT OF SECTIONS

PART I

PRELIMINARY

Section

1. Short title and commencement.
2. Interpretation.

PART II

ADMINISTRATION

3. Appointment of Licensing Officers.
4. Power of State Authority to issue directions.
5. Authorization.

PART III

LICENSING

6. Entertainment without licence prohibited.
7. Prohibition against sale of tickets, etc., for entertainment without licence.
8. Application for a licence.
9. Grant of licence.
10. Licence fees.
11. Conditions or restrictions.
12. Duration of licence.
13. Licence not renewable as of right.
14. Licence to be exhibited.
15. Security.
16. Revocation of licence.
17. Appeal.

PART IV

**POWERS OF INVESTIGATION, ARREST, SEIZURE,
FORFEITURE, ETC.**

18. Power to enter and investigate.
19. Power to close place of entertainment.

Section

20. Power to demand particulars.
21. Arrest.
22. Search.
23. Seizure.
24. Forfeiture.
25. Forfeiture if there is prosecution.
26. Forfeiture if there is no prosecution.
27. Powers of police officer unaffected.

PART V**OFFENCES AND PROSECUTION**

28. Obstruction.
29. Restriction on unauthorized sale of tickets.
30. General penalty.
31. Liability of director, etc.
32. Conduct of prosecution.
33. Compounding of offences.

PART VI.**MISCELLANEOUS**

34. Exemption.
35. Regulations.
36. Repeal.

SELANGOR

ENACTMENT No. 7 of 1995

I ASSENT,

Sgd.

SALAHUDDIN ABDUL AZIZ SHAH AL-HAJ,
Sultan of Selangor

(STATE SEAL)

10th January 1996

An Enactment to provide for the licensing and regulation of entertainment and places of entertainment; and for matters incidental thereto.

[]
BE IT ENACTED by the Legislature of the State of Selangor as follows:

PART I
PRELIMINARY

1. This Enactment may be cited as the Entertainment and Places of Entertainment Enactment 1995 and shall come into force on such date as may be appointed by the State Authority by notification in the *Gazette*.
Short title and commencement.

2. In this Enactment, unless the context otherwise requires—
“authorized person” means the Licensing Officer or any person who is authorized by the Licensing Officer in writing under section 5;
Interpretation.

“condition or restriction” means a condition or restriction subject to which a licence is granted under subsection 9(1);

"Court" means a Court of a Magistrate of the First Class;
"entertainment" includes—

- (a) plays, opera, pantomimes, variety acts, performances of music, singing, dancing, gymnastics, martial arts demonstrations, acrobatics and legerdemain, beauty contests, tableaux, demonstrations, displays and parades in which living persons take part;
- (b) displays of fireworks, set pieces, commemorative decorations and representations of real or mythical creatures;
- (c) circuses and exhibitions of animals;
- (d) exhibition of models, reading matter, pictures, photographs or of statuary or other forms of representation of human or animal figures;
- (e) exhibitions of cinematograph films, video movies and puppet shows;
- (f) reproductions or transmissions otherwise than in association with a cinematograph film, by any means whatsoever other than telephony or radiotelephony, of any music, song or speech;
- (g) machines and devices by the manipulation of which chances are given of obtaining prizes in money or kind;
- (h) pin-table and video games;
- (i) sporting contests of any kind between any number of persons or animals;
- (j) organized competitions at games of skill or chance;
- (k) trade, agricultural or industrial fairs consisting of the exhibition, advertisement or sale of products, produce or materials;
- (l) any combination of any of the above forms of entertainment; or
- (m) any other entertainment which the State Authority may, from time to time, by order in the *Gazette*, declare,

in any place to which members of the public are admitted with or without payment of money or other consideration;

"licence" means a licence granted under subsection 9(1);

"Licensing Officer" means any person appointed under section 3;

"local authority" means any local authority established in the State of Selangor under the Local Government Act 1976 or any other law relating to the establishment of local governments, and includes any person carrying on the functions of a local authority under any such law; Act 171.

"pin-table" means any coin or disc operated table, board or other appliance designed to enable the operator to play a game, success in which is measured by the propulsion of one or more movable objects towards targets or goals or by the attainment of a number of points or by both;

"place of entertainment" means any place on which there is any erection or structure, any premises or building whether temporary or permanent or any waterborne craft or other place in or at which entertainment is being provided or is intended to be provided and to which the public are admitted with or without payment for admission, and includes an amusement park;

"regulations" means any regulations made under this Enactment.

PART II

ADMINISTRATION

3. (1) The State Authority may, by notification in the *Gazette*, appoint so many Licensing Officers as it may deem necessary for the purpose of carrying into effect the provisions of this Enactment. Appointment of Licensing Officers.

(2) A notification of an appointment under subsection (1) shall specify the area or district in which the Licensing Officer may exercise the powers and perform the functions conferred or imposed upon him under this Enactment or any regulations.

Power of
State
Authority to
issue
directions.

Authori-
zation.

Entertain-
ment with-
out licence
prohibited.

Prohibition
against sale
of tickets,
etc., for
entertainment
without
licence.

4. The State Authority may from time to time give any Licensing Officer directions of a general character, and not inconsistent with the provisions of this Enactment, as to the exercise of the powers and discretions conferred upon the Licensing Officer by this Enactment or any regulations and the Licensing Officer shall give effect to all such directions.

5. A Licensing Officer may authorize in writing any public officer or any officer or employee of any local authority to exercise the functions of an authorized person under this Enactment.

PART III

LICENSING

6. (1) No person shall provide entertainment at any place unless a Licensing Officer has granted—

- (a) a licence to provide such entertainment; and
- (b) a licence to provide entertainment at that place.

(2) Any person who contravenes subsection (1) shall be guilty of an offence and shall on conviction be liable to a fine not exceeding twenty thousand ringgit or to imprisonment for a term not exceeding five years or to both.

50 E

7. (1) No person shall—

- (a) give, distribute, sell or offer for sale any ticket for admission to, or invite any person to attend, any entertainment or cause to be made such gift, distribution, sale, offer or invitation; or
- (b) in any other manner advertise or publicise or cause to be advertised or publicised any entertainment to be provided in any place,

unless a licence has been granted in respect of such entertainment and place.

ENTERTAINMENT AND PLACES OF ENTERTAINMENT 75

(2) Any person who contravenes subsection (1) shall be guilty of an offence and shall on conviction be liable to a fine not exceeding ten thousand ringgit or to imprisonment for a term not exceeding three years or to both.

8. (1) An application for a licence shall be made in the prescribed form and shall be submitted to the Licensing Officer.

Application
for a licence.

(2) For the purpose of considering an application for a licence, the Licensing Officer may require the applicant to furnish to him such additional information as he may require.

(3) Without prejudice to subsection (2), for the purpose of considering an application for a licence to provide entertainment, the Licensing Officer may require the applicant to give him the script, if any, and such information as he may specify relating to the following matters:

(a) particulars of persons concerned in the promotion of the entertainment and the interests represented by those persons;

(b) particulars of the persons who have been invited or agreed to participate in the entertainment or have participated in the entertainment and the interests represented by those persons; and

(c) the purpose to which any profits from the entertainment are intended to be or have been applied.

(4) For the purpose of this section, the expression "script", in relation to a performance of a play, means the text of the play (whether expressed in words or in musical or other notation) together with any stage or other directions for its performance, whether contained in a single document or not.

9. (1) A Licensing Officer may in his discretion grant a licence or refuse to grant a licence applied for under section 8.

Grant of
licence.

(2) A licence to provide entertainment at or in any place shall not be granted unless there is a valid licence in respect of such place.

(3) A licence in respect of any place shall not be granted in any local authority area unless the applicant produces—

- (a) a licence issued by the local authority; or
- (b) a written approval by the local authority,

permitting the use of such place as a place of entertainment.

Licence fees.

10. (1) Notwithstanding section 9, a licence may only be issued after the payment by the applicant of the prescribed fees.

(2) The Licensing Officer shall pay all fees collected under subsection (1) into—

- (a) the State Consolidated Fund; or
- (b) if so directed by the State Authority, the fund of any local authority or any other fund.

Conditions or restrictions.

11. (1) Every licence shall be subject to any condition or restriction imposed by the Licensing Officer.

(2) Any licensee who breaches any condition or restriction shall be guilty of an offence and on conviction shall be liable to a fine not exceeding ten thousand ringgit or to imprisonment for a term not exceeding three years or to both.

Duration of licence.

12. A licence shall be valid for such period as the Licensing Officer may determine but shall not exceed one year.

Licence not renewable as of right.

13. A licence shall not be renewable as of right and an application to renew a licence shall be treated as an application under section 8 for a licence.

Licence to be exhibited.

14. (1) Every licensee shall display at all times at a conspicuous place in the place of entertainment—

- (a) the licence in respect of the place of entertainment; and
- (b) the licence in respect of the entertainment provided at the place of entertainment.

ENTERTAINMENT AND PLACES OF ENTERTAINMENT 77

(2) Any licensee who contravenes subsection (1) shall be guilty of an offence.

15. (1) A Licensing Officer may, before granting a licence under this Enactment, require any person to furnish security, not exceeding twenty thousand ringgit, in such form as the Licensing Officer may determine to ensure due compliance with any condition or restriction of the licence and the provisions of this Enactment or any regulations.

(2) A Licensing Officer may, after giving the licensee opportunity to be heard, forfeit the security in whole or in part if the Licensing Officer is satisfied that there has been a breach of any condition or restriction of the licence or a contravention of any provision of this Enactment or any regulations.

(3) Notwithstanding subsection (2), the forfeiture of any security or any part thereof under that subsection shall not be construed so as to preclude the prosecution of any person for breaching any condition or restriction of a licence or contravening any provision of this Enactment or any regulations.

(4) The Licensing Officer shall pay any security forfeited under subsection (2) into—

(a) the State Consolidated Fund; or

(b) if so directed by the State Authority, the fund of any local authority or any other fund.

16. (1) A Licensing Officer may at any time by notice in writing served in accordance with subsections (2) and (3) revoke a licence if there has been a breach of any condition or restriction of the licence or a contravention of any provision of this Enactment or any regulations.

(2) Every notice of revocation of a licence shall be served by—

(a) affixing a copy of the notice at the place of entertainment; and

(b) serving a copy of the notice—

- (i) on the person who appears to have the care and management of the place of entertainment; and
- (ii) on the licensee if the person referred to in subparagraph (i) is not the licensee.

(3) If a notice of revocation of a licence cannot be served in accordance with subparagraph (2)(b)(ii), the Licensing Officer may send the notice by registered post to the licensee at the address provided in the application form for the licence; and every notice sent by registered post in accordance with this subsection shall be deemed to have been duly served in accordance and in compliance with the requirements of this section.

(4) The revocation of a licence shall not be construed so as to preclude the prosecution of any person for breaching any condition or restriction of the licence or contravening any provision of this Enactment or any regulations.

Appeal.

17. (1) Any person who is aggrieved by—

- (a) the decision of a Licensing Officer under section 9 refusing to grant him a licence;
